

Pemuda UMNO akan buat laporan polis

MM : 8/7/2007

BATU PAHAT 7 Julai - Pemuda UMNO sedang meneliti peruntukan undang-undang sebelum membuat laporan polis terhadap Ketua Penerangan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua yang mengaku menyiarkan gambar palsu yang mengaitkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu di laman blognya.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, Pemuda UMNO akan meneliti secara terperinci undang-undang termasuk di bawah Kanun Keseksaan atau peraturan di bawah Kementerian Multimedia sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Kami lakukan ini kerana ia menyentuh jawatan Timbalan Perdana Menteri, sebab itu kami nak buat secara sungguh-sungguh," tegasnya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO bahagian Labis di sini, hari ini.

Beliau tidak mahu laporan polis yang dibuat tidak mendatangkan kesan seperti beberapa laporan yang dibuat sebelum ini.

Semalam, Tian Chua mengaku beliau mencipta gambar palsu yang mengaitkan Najib dengan Altantuya (juga bukan gambar sebenar) dan penganalisis politik Abdul Razak Abdullah Baginda dalam laman blog miliknya te-

tapi enggan meminta maaf.

Hishammuddin berkata, Pemuda UMNO tidak boleh membenarkan Tian Chua atau mana-mana pemimpin pembangkang melakukan sesuka hati untuk menjatuhkan nama baik pemimpin kerajaan.

Selain itu beliau juga mahu tahu bentuk tindakan yang bakal diambil oleh PKR terhadap tindakan biadab Tian Chua itu.

Katanya, Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu bertanggungjawab terhadap perlakuan Tian Chua yang telah memfitnah Najib.

Beliau berkata, pihaknya juga ingin tahu sama ada penasihat PKR itu turut terlibat menasihatkan Tian Chua agar bertindak sedemikian.

Sementara itu di Machang, Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan tindakan Ketua Penerangan parti tersebut, Tian Chua yang mencipta gambar palsu mengaitkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Malah Anwar turut menyelar wartawan kerana hanya sibuk dengan gambar yang remeh tetapi berdiam diri apabila melibatkan isu-isu besar terutama fitnah yang dilemparkan terhadap pemimpin pembangkang.